

# Dr Mahathir pangku jawatan Menteri Pendidikan

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, kini memangku jawatan Menteri Pendidikan, berkuat kuasa sejak 3 Januari lalu.

Pejabat Perdana Menteri memaklumkan, perkara itu diputuskan Kabinet ketika mesyuaratnya pada Rabu lalu.

“Dr Mahathir akan memangku jawatan itu sehingga Menteri Pen-

didikan yang baharu dilantik,” katanya.

Rabu lalu, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, dilaporkan berkata, Kabinet ketika mesyuaratnya memutuskan pemangku jawatan Menteri Pendidikan selepas Dr Maszlee Malik meletakkan jawatan itu minggu lalu.

Maszlee yang juga Ahli Pimpinan Tertinggi (MPT) Parti Pri-

bumi Bersatu Malaysia (BERSATU) meletakkan jawatannya sebagai Menteri Pendidikan, berkuat kuasa 3 Januari lalu selepas mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir sehari sebelumnya.

Maszlee dilaporkan berkata, peletakan jawatan itu dibuatnya, selepas beliau dilihat banyak menimbulkan krisis kepada kepimpinan, terutama membabit-

kan isu tulisan Jawi, internet sekolah dan program sarapan percuma.

Dr Mahathir pernah menjadi Menteri Pendidikan di antara 1974 hingga 1977, di bawah pentadbiran dua bekas Perdana Menteri, iaitu Tun Abdul Razak Hussein dan Tun Hussein Onn.

Ketika menjadi Perdana Menteri, pada 2003, Dr Mahathir mem-

perkenalkan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) dengan pelaksanaan penuh dasar itu di sekolah menengah pada 2007.

Setahun selepas itu, dasar terbabit kemudiannya dilaksanakan untuk sekolah rendah, sebelum program itu dimansuhkan sepenuhnya pada 2012.

BA - 11/1/2020 m/s: 4